
Andaian yang Disemak Semula bagi Pinjaman Perniagaan dengan Bayaran Balik Secara Sekali Gus yang akan Matang

Dalam ujian terdahulu, model pemprofilan sektor[23] telah digunakan untuk mengunjurkan pinjaman terjejas sektor perniagaan bagi perniagaan yang tidak mempunyai data kewangan peringkat firma yang tersedia. Salah satu andaian utama model pemprofilan sektor ialah firma dalam sektor perniagaan mudah terjejas akan mungkir serta-merta terhadap semua pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus yang akan matang[24] pada dan apabila masa untuk membuat bayaran tiba. Andaian ini dibuat berdasarkan ciri bayaran balik pinjaman ini yang besar dan segera, serta gambaran yang kurang jelas tentang keupayaan kewangan perniagaan dalam sektor mudah terjejas untuk membuat bayaran itu akibat pandemik. Ditambah dengan tahap ketidakpastian yang tinggi ketika itu, kaedah yang sangat konservatif ini membolehkan Bank menilai jika institusi perbankan dapat menghadapi keadaan yang lebih teruk berikutan kejutan ekonomi. Berdasarkan andaian ini, pinjaman perniagaan dengan bayaran balik secara sekali gus yang akan matang sepanjang tempoh ujian tekanan menyumbang 35% daripada pinjaman terjejas sistem perbankan baharu atau 28% daripada kenaikan dalam jumlah kos kredit kepada bank dalam ujian sebelum ini.

Dengan perkembangan yang lebih jelas tentang tingkah laku bayaran balik pinjaman sebenar susulan berakhirnya moratorium pinjaman automatik secara menyeluruh, Bank telah memperhalus andaian ini berdasarkan data yang boleh diperhatikan. Selepas tempoh moratorium automatik, 47% pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus yang akan matang telah dibayar sepenuhnya pada bulan Disember 2020. Baki pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus yang akan matang tetapi belum dibayar balik sepenuhnya telah menerima bantuan bayaran balik pinjaman, dengan sebahagian besar pinjaman ini meneruskan bayaran berdasarkan tempoh bayaran balik yang disemak semula. Hanya 15% daripada jumlah asal bayaran balik pinjaman secara sekali gus yang akan matang dinilai oleh institusi perbankan (dan disemak oleh juruaudit) menunjukkan tanda-tanda peningkatan yang ketara dalam risiko kredit, sementara sebahagian kecil sahaja (0.2%) daripada pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus tersebut telah menjadi pinjaman terjejas (Rajah 2.24). Berdasarkan pemerhatian ini, ujian tekanan yang dikemas kini mengandaikan bahawa 15% daripada pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus terkumpul yang akan matang semasa tempoh ujian tekanan bagi firma yang menjalankan perniagaan dalam segmen mudah terjejas yang dikenal pasti akan menjadi pinjaman terjejas dalam SB1. Di bawah SB2, andaian konservatif yang agak ketara dikekalkan, mencerminkan ketidakpastian yang berpanjangan tentang tingkah laku bayaran balik pinjaman. Dalam senario ini, 50% daripada pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus terkumpul yang akan matang bagi firma yang beroperasi dalam sektor mudah terjejas diandaikan menjadi pinjaman terjejas.

Rajah 2.24: Ujian Tekanan Makro: Sektor Perniagaan – Profil Bayaran Balik Pinjaman Secara Sekali Gus yang akan Matang Daripada Sektor yang Mudah Terjejas Pasca Moratorium Pinjaman Secara Automatik



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

[23] Rujuk Rencana Maklumat 'Mengunjurkan Pinjaman Terjejas Perniagaan: Pendekatan Serampang Dua Mata' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Pertama 2020 untuk maklumat yang lebih terperinci.

[24] Kredit pusingan dikecualikan kerana pengalaman lampau menunjukkan bahawa dedahan ini lazimnya dilanjutkan.